

PEMBELAJARAN DAN MEKANISME PENYELESAIAN MASALAH PENTADBIR SEKOLAH DALAM PROGRAM PENGURUSAN PENDIDIKAN: SATU KAJIAN KES

Oleh:

Sathiyabama Suprammaniam
Institut Aminuddin Baki

ABSTRAK

Kajian ini menyokong perspektif umum bahawa pentadbir sekolah yang mengikuti Program Pengurusan Pendidikan menghadapi pelbagai masalah disebabkan oleh keadaan kehidupan yang kompleks sebagai pelajar dan sebagai seorang dewasa yang mempunyai pelbagai tanggungjawab. Kajian ini mengkaji bukan sahaja bentuk masalah mereka tetapi juga bagaimana mereka menyelesaikan masalah pembelajaran ini dengan hasrat untuk menyediakan sokongan yang bermakna dalam profesion perguruan. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang telah diubah suai oleh penyelidik daripada hasil kajian Lucile Dass (2001). Sampel kajian dipilih daripada pentadbir sekolah yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) secara mod intensif di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) seramai 92 orang sebagai responden. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara mekanisme-mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah dengan ciri demografi pentadbir sekolah yang dikaji.

PENDAHULUAN

Pendidikan dewasa dalam pelbagai profesion termasuk perguruan merupakan satu keperluan untuk pembangunan ekonomi dalam persaingan ekonomi secara global. Abdul Rahim Abdul Rashid (2006) pernah menyatakan pembelajaran dewasa sebagai satu kualiti intelektual dan sosial yang penting untuk memajukan diri dalam dunia pekerjaan. Pembelajaran dewasa juga merupakan satu proses memperbaiki diri dan meningkatkan kecekapan profesion yang diminati dan diceburi. Pembelajaran sedemikian dapat membangunkan kerjaya dalam kalangan orang dewasa yang sudah bekerja sebagai persediaan ke arah kerjaya yang lebih baik dan cemerlang. Sejajar dengan konsep pembelajaran dewasa, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyasarkan 50% guru sekolah rendah mempunyai ijazah menjelang tahun 2010. Ini selaras dengan matlamat PIPP iaitu meningkatkan kualiti pendidikan dan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan dalam pendidikan. Langkah KPM mengadakan 'Program Pensiswazahan' dalam kalangan guru besar adalah sesuatu yang baru dalam konteks pembelajaran orang dewasa.

Peluang melanjutkan pelajaran guru besar ke peringkat ijazah bermula pada tahun 2003 dengan adanya program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) dengan kepujian yang dilaksanakan bersama dengan KPM, Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Program ini bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan keterampilan profesional dalam ilmu pengurusan pendidikan dan kemahiran pentadbiran bagi menyediakan pengurus pendidikan yang mempunyai keupayaan dan kepakaran yang mendalam untuk memimpin, mengurus dan mentadbir organisasi masing-masing.

Walaupun terdapat program pensiswazahan guru besar yang ditawarkan di kebanyakan universiti, sejauh mana pelaksanaan program ini memudahkan pembelajaran dewasa untuk golongan pentadbir sekolah belum pernah dikaji. Kebanyakan kajian yang dijalankan terhadap pembelajaran dewasa hanya tertumpu kepada keberkesanan pelaksanaan program sahaja. Ricks (1998) yang konsisten dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat menyatakan yang beliau agak risau sebab kurangnya kajian yang menunjukkan kesan psikologi dalam penglibatan pembelajaran dewasa ini. Persekitaran kehidupan golongan dewasa yang begitu kompleks seperti menanggung pelbagai tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan pada masa yang sama sebagai seorang dewasa yang sentiasa menghadapi pelbagai masalah, turut menyumbang kepada permasalahan pembelajaran mereka. Tujuan, keperluan dan kesediaan seseorang dewasa menyambung pembelajaran adalah untuk mempelajari sesuatu yang dapat menolong mereka berhadapan dengan situasi yang boleh membantu mereka dalam mengembangkan horizon mereka yang sedia ada, meningkatkan kehidupan mereka, dan membolehkan mereka meneruskan usaha untuk mencapai kecemerlangan hidup.

Hal ini menjadi tarikan kepada penyelidik untuk mengenal pasti masalah pembelajaran dan bagaimana diselesaikan oleh pentadbir sekolah sebagai seorang dewasa yang mengikuti program pensiswazahan guru besar. Penumpuan terhadap masalah-masalah yang dihadapi dalam program ini serta mekanisme penyelesaian oleh guru besar dalam program khas pensiswazahan dikaji dalam kajian ini.

Secara umumnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah pembelajaran dan mekanisme untuk menyelesaikan masalah pembelajaran oleh pentadbir sekolah yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) secara Mod Intensif. Manakala tujuan khususnya adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pentadbir sekolah dalam pengajian mereka.
- ii. Melihat perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan jantina.
- iii. Menenal pasti perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan jawatan yang disandang.
- iv. Mengkaji perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan tempoh memegang jawatan yang disandang.
- v. Mengkaji perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan umur mereka semasa melanjutkan pengajian.

Terdapat empat hipotesis penyelidikan yang dibentuk dalam kajian ini, iaitu:

- H1: Terdapat perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan jantina dalam melanjutkan pengajian mereka.
- H2: Terdapat perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan jawatan yang disandang dalam melanjutkan pengajian mereka.
- H3: Terdapat perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan tempoh jawatan yang disandang dalam melanjutkan pengajian mereka.
- H4: Terdapat perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan umur mereka semasa melanjutkan pengajian.

KAJIAN LITERASI

Pembelajaran dewasa adalah pembelajaran yang membekalkan sesuatu kepada orang dewasa bagi menepati semua kehendak aktiviti pembelajaran (Paterson, K., 2002). Pembelajaran dewasa direka untuk pembangunan potensi yang seimbang di dalam kalangan orang dewasa. Adams dan Sally (2006) menyatakan pembelajaran dewasa adalah pembelajaran yang seimbang yang berfungsi mengisi dan menutup jurang pembelajaran yang ditinggalkan oleh sekolah dan kolej. Pembelajaran dewasa adalah pembelajaran melalui pengalaman yang boleh diperoleh dengan mempraktikkan sesuatu prinsip atau teori.

Oleh itu, secara kasarnya bolehlah dikatakan pembelajaran dewasa adalah membantu golongan dewasa meningkatkan kompetensi mereka ataupun membawa perubahan kepada peranan sosial mereka seperti pekerja, pesara, ibu bapa dan sebagainya. Mereka dapat memperoleh kepuasan dalam kehidupan peribadi dan kerjaya serta berupaya menyelesaikan masalah peribadi, masalah di tempat kerja ataupun masyarakat secara global (Hamdan Abd. Kadir, 2004).

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Pentadbir Sekolah

Dalam kajian yang dilakukan oleh Idrus & Atan (1997), didapati ramai bersetuju bahawa banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan mereka setelah memperoleh pendidikan tinggi terutamanya dari segi peningkatan taraf hidup ekonomi keluarga. Dalam kajian ini, penyelidik menumpukan empat ciri demografi pentadbir sekolah untuk melihat perkaitannya dengan masalah pembelajaran dan mekanisme penyelesaian pembelajaran mereka. Antara ciri demografi yang hendak dikaji adalah jantina, jawatan yang disandang oleh pentadbir sekolah, tempoh atau pengalaman menyandang jawatan tersebut serta umur pentadbir sekolah.

Jantina

Peranan jantina dalam proses pembelajaran adalah sangat berpengaruh dan penglibatan pula sangat kompleks (Beinart dan Smith, 1997). Francis dan Skelton (2005) mendapati kaum wanita 21.2% lebih terlibat berbanding dengan kaum lelaki dengan hanya 17.5% dalam pengajian pengurusan pentadbiran manakala untuk pengajian pendidikan, kaum wanita 7.5% lebih daripada kaum lelaki yang hanya 1.8% sahaja. Mohamad Rashidee Alwi et al. (2005) dalam kajiannya mengenai faktor jantina mengatakan faktor jantina bukanlah satu faktor yang mempengaruhi keputusan untuk melanjutkan pembelajaran sepanjang hayat.

Jawatan Yang Disandang

Dapatan UNESCO pada tahun 1997 yang dikaji oleh Valentine, menunjukkan profesional dan teknikal (70.0%) adalah antara responden tertinggi yang terlibat dengan pembelajaran dewasa diikuti dengan pekerja kerajaan (57.7%) dan kerani sebanyak

52.6%. Seterusnya jawatan dalam bahagian perkhidmatan sebanyak 39.4% dan pekerja kraf tangan, pertanian dan perkilangan hanya 25.2 % yang menyambung pembelajaran.

Tempoh atau Pengalaman Menyandang Jawatan Pentadbir Sekolah

Menurut Merriam, Mott, dan Lee (1996), kuantiti pengalaman orang dewasa lebih tinggi daripada kanak-kanak tetapi tidak semestinya pengalaman ini berubah menjadi pengalaman yang berkualiti kerana mungkin pengalaman yang ada menjadi penghalang kepada seseorang untuk belajar. Manakala dapatan hasil kajian Boud dan Miller (1996) membuktikan bahawa pengalaman menunjukkan perhubungan yang signifikan dalam pembelajaran dewasa.

Umur

Apabila melihat pada dapatan Kopka & Peng (1993), didapati golongan umur antara 40 hingga 44 tahun adalah tertinggi terlibat dalam pembelajaran iaitu sebanyak 32% dan diikuti dengan kedua tertinggi umur 45 hingga 49 sebanyak 27%. Seterusnya umur 35 hingga 39 (26%), umur 25 hingga 29 (24%) dan umur 30 hingga 34 sebanyak 23%. Jadi dapat disimpulkan bahawa golongan umur dewasa iaitu antara 35 tahun hingga 49 tahun terlibat secara aktif dalam pembelajaran dewasa.

Masalah Pembelajaran Yang Dihadapi

Sebab-sebab orang dewasa terlibat dalam pembelajaran dewasa adalah agak kabur untuk diterangkan. Kita tidak boleh meramalkan bahawa mereka yang tidak melanjutkan pelajaran berpuas hati dengan pekerjaan, keluarga, komuniti dan aktiviti masa lapang mereka. Valentine & Darkenwald (1990) mengkaji ketidaklibatan orang dewasa dalam pembelajaran dewasa dan analisis dapatan menunjukkan sebabnya adalah masalah personal, kurang keyakinan, kos pembelajaran yang tinggi, kurang berminat dalam pendidikan terancang ataupun kurang berminat dalam kursus-kursus yang ditawarkan. Dapatan lain menunjukkan orang dewasa tidak melanjutkan pelajaran kerana kekangan masa dan wang (Sharan, B.M. & Rosemary, S.C., 1991).

Perubahan biologiikal pada seseorang dewasa dikatakan ada kesan terhadap pembelajaran orang dewasa (Bee, 1996). Jarvis (2001) menyatakan perubahan pada orang dewasa terlalu signifikan terutamanya secara fisiologi seperti penglihatan yang berkurangan, pendengaran yang lemah, kurang bertenaga dan sebagainya dalam proses pembelajaran dewasa.

Mekanisme Penyelesaian Masalah

Walaupun orang dewasa menghadapi pelbagai kekangan dalam pembelajaran, masih terdapat golongan yang berjaya menamatkan pengajian mereka. Ini kerana keinginan individu bagi membawa perubahan kepada maklumat, pengetahuan, pemahaman, penghargaan, kemahiran dan sikap dalam kehidupan mereka (Mohamad Azhar & et. al, 2004). Cussack (1996) juga mendapati orang dewasa masih mampu untuk melanjutkan pembelajaran mereka secara fizikal dan mental.

Program Pensiswazahan Guru Besar

KPM merancang untuk melatih kira-kira 7,008 orang guru besar yang sedia ada untuk disiswazahkan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2010 menerusi PKPGB. PKPGB dijalankan dalam dua mod iaitu mod sepenuh masa dan mod intensif. Pelajar-pelajar mod sepenuh masa akan mengikut pengajian berdasarkan takwim universiti yang biasa. Pengajian sepenuh masa adalah bagi kumpulan pentadbir sekolah daripada kalangan penolong kanan dan guru yang berumur bawah 40 tahun. Kumpulan ini mengikuti kursus selama setahun di IAB dan dua tahun di UPSI. Tempoh pengajian boleh dikurangkan ke dua tahun menerusi pengecualian jumlah jam kredit. Manakala bagi mod intensif, pengajian dijalankan secara intensif selama lapan fasa bagi mod pengajian dua tahun atau enam semester bagi mod pengajian tiga tahun. Setiap fasa pengajian bagi mod dua tahun akan mengambil masa selama empat minggu kuliah diikuti dengan peperiksaan akhir. Pentadbir sekolah dalam mod intensif boleh terus bertugas di sekolah sambil mengikuti pengajian secara berperingkat.

Jumlah keseluruhan ambilan bilangan guru besar yang mengikuti program ini sehingga tahun 2007 adalah seramai 1061 orang sahaja. Jika dibandingkan jumlah guru besar di seluruh Malaysia dengan jumlah guru besar yang mengikuti program ini, hanya 15% daripada mereka yang mengikuti program pembelajaran dewasa ini. Jumlah ambilan pelajar untuk PKPGB di UPSI adalah seramai 150 pentadbir sekolah (tiga kohort) setakat bulan September 2007. Permohonan guru besar untuk mengikuti program tersebut dibuat kepada KPM. Syarat kelayakan yang dikenakan kepada guru besar yang memohon untuk mengikuti program mod intensif ini ditentukan secara bersama oleh kerajaan dan universiti yang terlibat. Pemilihan pemohon yang layak dilakukan secara bersama oleh kerajaan dan universiti manakala surat tawaran untuk mengikuti program tersebut dikeluarkan oleh universiti yang mengendalikan program ini.


Matlamat utama mengadakan program khas untuk guru besar adalah untuk menekankan beberapa kecekapan yang perlu dikuasai oleh guru besar, misalnya keupayaan memimpin dan mengurus perubahan dalam pentadbiran sekolah, mahir penggunaan ICT bagi memudahkan pelaksanaan di sekolah serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pengurusan strategik pendidikan

dan sebagainya yang dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan di sekolah.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan. Terdapat dua cara kajian tinjauan dilakukan oleh penyelidik, iaitu temu bual dan soal selidik. Kaedah temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai PKPGB serta maklumat mengenai masalah pembelajaran yang dihadapi oleh guru besar yang mengikuti program tersebut. Sampel kajian dalam program ini adalah terdiri daripada tiga kohort bermula dari ambilan tahun 2005 hingga 2007.



Pembinaan Item Soal Selidik Masalah Pembelajaran dan Mekanisme Penyelesaian Pentadbir Sekolah

Soal selidik mekanisme penyelesaian masalah ini diubah suai oleh penyelidik daripada hasil dapatan Dass, L. (2001). Soal selidik ini mengandungi 10 masalah pembelajaran dan setiap masalah mempunyai mekanisme penyelesaiannya seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3**.

Analisis Data

Data yang telah dikutip dikodkan, direkodkan dan dianalisis dengan menggunakan SPSS Versi 15. Data-data yang telah dikumpul; dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini ialah min dan peratus. Manakala statistik inferensi terdiri daripada Ujian t dan ANOVA. Penyelidik turut menggunakan min untuk menyusun (ranking) masalah pembelajaran pentadbir sekolah mengikut keutamaan masalah daripada 1 hingga 10.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: *Demografi Pentadbir Sekolah*

Jantina	n=92	f (%)
Lelaki	45	(48.90)
Perempuan	47	(51.10)
Tahap Umur	n=92	f(%)
Antara 35 – 40	3	(3.30)
Antara 41 – 46	24	(26.10)
Antara 47 – 51	65	(70.70)
Jawatan Disandang		
Guru besar	59	(64.10)
Penolong Kanan	27	(29.30)
Pegawai PPD/JPN	4	(4.30)
Lain-lain	2	(2.20)
Tempoh Jawatan Disandang		
1 – 10	67	(72.8)
11 – 20	20	(21.7)
21 – 30	5	(5.4)

Dapatan bagi latar belakang responden dari segi jantina, umur, jawatan yang disandang dan tempoh jawatan disandang adalah seperti **Jadual 1**. Komposisi pentadbir sekolah yang mengikuti PKPGB mod intensif menunjukkan responden perempuan melebihi lelaki. Senario ini selari dengan populasi pelajar peringkat universiti yang menunjukkan komposisi pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Dari aspek umur, majoriti pentadbir sekolah adalah antara umur 47 hingga 51 tahun. Golongan umur ini lebih tinggi bilangannya berbanding dengan golongan umur yang lain disebabkan oleh syarat kelayakan yang

ditawarkan kepada pentadbir sekolah yang umurnya perlu antara 45 hingga 49 tahun. Begitu juga dengan bilangan Guru Besar yang menjadi majoriti dalam PKPGB berbanding dengan jawatan lain seperti Penolong Kanan (PK), Pegawai Pejabat Daerah (PPD) atau pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri dan pegawai Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN). PKPGB di tawarkan kepada guru besar hakiki yang menyandang gred DGA 34 atau DGA 32. Kebanyakan pentadbir sekolah yang memegang jawatan selama satu hingga 10 tahun adalah tinggi bilangannya berbanding dengan pentadbir sekolah yang bertugas selama 11 hingga 30 tahun. Oleh sebab tempoh menjawat yang lebih daripada 10 tahun adalah bagi golongan yang berumur lebih 49 tahun, maka golongan umur ini adalah kurang terlibat.

Jadual 2: *Susunan Masalah Pembelajaran yang Dihadapi Oleh Pentadbir Sekolah*

BIL	Masalah Pembelajaran	Min Skor
1	Masalah Pengurusan Masa	4.49
2	Masalah Pekerjaan	5.24
3	Konflik Peranan	5.24
4	Masalah Berkaitan Dengan Pengajian	5.59
5	Motivasi belajar	6.02
6	Masalah Kesihatan	6.34
7	Masalah Penyesuaian Diri	6.85
8	Masalah Kewangan Untuk Akademik	7.07
9	Masalah Keluarga	7.09
10	Masalah dengan Institusi Pengajian	7.39

Merujuk pada **Jadual 2**, hasil kajian menunjukkan masalah pengurusan masa berada pada tahap keutamaan yang pertama berbanding dengan masalah pembelajaran yang lain. Ini memberi gambaran bahawa pentadbir-pentadbir sekolah yang dikaji menghadapi masalah pengurusan masa yang paling ketara. Keperluan mereka untuk menyeimbangkan masa antara pembelajaran, keluarga dan pekerjaan menyukarkan kerana tanggungjawab mereka yang perlu ditunaikan sebagai suami atau isteri, ibu atau bapa dan pentadbir sekolah. Ini bertepatan dengan pendapat Jessie et. al. (2005) yang menyatakan pembelajaran dewasa bukanlah mudah kerana terpaksa menghadapi masalah di tempat kerja, komitmen dalam keluarga serta tanggungjawab sosial dan pada masa yang sama juga perlu mencari masa untuk menyiapkan tugas, menghadiri kuliah, mengulang kaji untuk peperiksaan dan lain-lain kewajipan yang perlu untuk pembelajaran.

Masalah yang kedua tertinggi pada susunan keutamaan masalah pembelajaran pentadbir sekolah adalah masalah pekerjaan. Sebagai guru besar yang menjadi ketua dalam organisasi sekolah, komitmen di tempat kerja amat diperlukan. Oleh sebab kebanyakan pentadbir sekolah adalah guru besar, mereka menghadapi banyak masalah pekerjaan.

Walaupun pentadbir lain di sekolah menguruskan organisasi sekolah, guru besarlah yang perlu meluluskan kebenaran untuk menjalankan sesuatu aktiviti di sekolah. Misalnya, dari segi pembelian barangan atau perkhidmatan untuk sekolah. Jadi, masalah pekerjaan berada pada tahap kedua dalam susunan masalah pembelajaran pentadbir sekolah.

Seterusnya, masalah konflik peranan berada pada tempat ketiga dalam susunan keutamaan masalah pembelajaran pentadbir sekolah. Orang dewasa yang melanjutkan pembelajaran terpaksa menghadapi konflik dalam peranan dirinya sebagai pekerja, suami atau isteri, ibu atau bapa kerana komitmennya. Hasil kajian ini selaras dengan dapatan kajian Ford (2005) yang mengutarakan tentang peranan orang dewasa yang bercanggah antara akademik dan komitmen sosial. Masalah pentadbir sekolah yang keempat dalam susunan masalah pembelajaran mereka mengikut keutamaan adalah masalah dengan pengajian. Hasil kajian York (1999) menunjukkan ramai pelajar dewasa menarik diri kerana menghadapi kesukaran memahami bahan pembelajaran. Mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mencari bahan sokongan untuk menyelesaikan masalah pemahaman mereka tentang sesuatu bahan pembelajaran.

Masalah motivasi belajar merupakan masalah yang kelima dalam susunan masalah pembelajaran mengikut keutamaan pentadbir sekolah. Ini memberi gambaran bahawa pentadbir sekolah menghadapi motivasi belajar sebagai masalah pembelajaran mereka. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian Norzaini Azman et. al (2004) yang mengkaji faktor mencapai kejayaan melalui pembelajaran sendiri. Kajian ini menunjukkan seseorang dewasa memperoleh kejayaan yang cemerlang disebabkan oleh motivasinya dan tidak semestinya melalui pembelajaran sendiri. Seterusnya, diikuti dengan masalah kesihatan. Pada kebiasaannya, golongan yang berumur seperti pentadbir sekolah yang mengikuti PKPGB ini akan menghadapi masalah kesihatan. Makluman yang diterima dari IAB melalui data pendaftaran PKPGB sehingga September 2007, didapati tiga orang guru besar terpaksa menarik diri kerana menghadapi masalah kesihatan yang kritikal. Makluman ini bertepatan dengan pendapat Hoult (2006) yang mengatakan masalah kesihatan menjadi salah satu faktor yang menghalang golongan dewasa untuk melanjutkan pembelajaran mereka.

Masalah penyesuaian diri turut dihadapi oleh pentadbir sekolah. Walau bagaimanapun, penyesuaian diri pentadbir sekolah sebagai pelajar dan mengikuti program pembelajaran tersebut didapati bukanlah suatu masalah yang ketara kerana masalah ini berada pada susunan keutamaan masalah pembelajaran yang ketujuh. Ini bertepatan dengan dapatan Smith dan Spurling (1999) yang dapat membuktikan melalui kajian mereka bahawa golongan dewasa dalam pembelajaran sepanjang hayat dapat menyesuaikan diri dengan cepat apabila terlibat secara sukarela. Oleh sebab yuran pengajian dan elaun sara hidup diberikan, masalah kewangan untuk akademik tidaklah ketara dan berada pada susunan tahap keutamaan masalah pembelajaran yang kelapan. Banyak kajian tentang pembelajaran orang dewasa menunjukkan golongan dewasa menghadapi masalah kewangan untuk melanjutkan pengajian mereka (National Adult Learning Survey, 1997).

Masalah kedua terakhir dalam susunan keutamaan masalah pembelajaran pentadbir sekolah adalah masalah keluarga. Masalah keluarga untuk pentadbir sekolah adalah tidak ketara apabila melihat pada kedudukannya dalam susunan keutamaan masalah pembelajaran. Ini menunjukkan pentadbir sekolah kurang menghadapi masalah keluarga. Dapatan ini selaras dengan pendapat Dass (2002) yang menyatakan bahawa keluarga memainkan peranan utama dalam memberi sokongan dalam pembelajaran dewasa. Menurut Hooper (1997), sokongan pasangan hidup adalah yang paling terbaik dalam mencapai kejayaan akademik.

Pada keseluruhannya masalah dengan institusi pengajian berada pada tahap keutamaan yang terakhir dalam susunan masalah pembelajaran pentadbir sekolah. Pentadbir sekolah tidak menganggap institusi pengajian mereka sebagai pemberi masalah. Ini menunjukkan, para pentadbir sekolah yang mengikuti PKPGB sangat berpuas hati dengan segala perancangan serta pelaksanaan kuliah yang mereka mengikuti secara mod intensif. Dapatan ini hampir sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Rowley (1998) di San Francisco iaitu banyak pelajar melihat pada institusi pengajian mereka sebagai tempat memperoleh pengetahuan yang mereka harapkan.

Jadual 3: Mekanisme Penyelesaian Masalah Pentadbir Sekolah

Kategori Masalah	Mekanisme Penyelesaian Masalah	Bilangan Responden f (%)
Pengurusan Masa	a. Merancang jadual pembelajaran	26 (28.3)
	b. Belajar pada waktu tidak menentu	12 (13.0)
	c. Mewujudkan jaringan sokongan	14 (15.2)
	d. Mengurangkan komitmen sosial	16 (17.4)
	e. Mohon cuti belajar	11 (12.0)
	f. Menetapkan masa belajar	14 (15.2)
Masalah Pekerjaan	a. Memperoleh sokongan kawan sekursus	16 (17.4)
	b. Menerangkan situasi kepada ketua	10 (10.9)
Berkaitan dengan Pengajian	a. Menghubungi kawan sekursus	17 (18.5)
	b. Menghubungi pensyarah	1 (1.1)
	c. Mengumpulkan bahan pengajian	28 (30.4)
	d. Mengadakan perbincangan dalam kumpulan	27 (29.3)
	e. Memperoleh bahan ilmiah daripada perpustakaan	18 (19.6)
	f. Menjadi ahli perpustakaan awam	28 (30.4)
	g. Dimotivasikan belajar oleh keluarga	28 (30.4)
	h. Membeli buku rujukan	23 (25.0)
	i. Meningkatkan skil pembelajaran	28 (30.4)

Masalah Kewangan Akademik	a. Merancang Perbelanjaan	24 (26.1)
	b. Kewangan dibantu ahli keluarga	12 (13.0)
	c. Memperoleh pinjaman pendidikan	10 (10.9)
	d. Berusaha menambahkan pendapatan	8 (8.7)
	e. Fotostat buku lebih daripada membeli buku	11 (12.0)
	f. Mohon biasiswa	13 (14.1)
	g. Menggunakan wang simpanan	9 (9.8)
Penyesuaian Diri	a. Membentuk kumpulan belajar	20 (21.7)
	b. Berhubung dengan pensyarah	6 (6.5)
	c. Berhubung dengan kawan sekursus	26 (28.3)
	d. Menerima pendapat kawan sekursus	18 (19.6)
Institusi	a. Menghubungi bahagian pentadbiran	9 (9.8)
	b. Mendapat nasihat penyelarar kursus melalui surat	2 (2.2)
	c. Menyuarakan ketidakpuasan kuliah	2 (2.2)
Konflik Peranan	a. Memperoleh sokongan pasangan/keluarga	40 (43.5)
	b. Menerima situasi	28 (30.4)
	c. Berbincang dengan kawan sekursus	18 (19.6)
Masalah Keluarga	a. Beritahu masalah belajar kepada keluarga	25 (27.2)
	b. Masa bersama keluarga	39 (42.4)
	c. Bawa keluarga semasa berkursus	2 (2.2)
	d. Berdoa menguatkan rohani	60 (65.2)
Motivasi Belajar	a. Memperoleh sokongan keluarga	41 (44.6)
	b. Memotivasikan diri	45 (48.9)
	c. Memberi dan peroleh sokongan kawan sekursus	22 (23.9)
	d. Peroleh galakan belajar daripada pensyarah	15 (16.3)
	e. Berdoa untuk bermotivasi	48 (52.2)
	f. Menghadiri seminar motivasi	14 (15.2)
	g. Membaca buku motivasi	18 (19.6)
Masalah Kesihatan	a. Menjaga pemakanan	26 (28.3)
	b. Mengambil vitamin	29 (31.5)
	c. Berehat seketika	28 (30.4)
	d. Berfikir positif	51 (55.4)

Merujuk pada **Jadual 3**, 60 (65.2%) responden adalah tertinggi dalam berdoa untuk menguatkan kerohanian mereka sebagai satu cara menyelesaikan masalah keluarga. Sebanyak 51 (55.4%) responden berfikir positif dapat menyelesaikan masalah pembelajaran mereka. Persetujuan penyelesaian masalah motivasi belajar oleh responden adalah antara 41 hingga 48 (44.6% hingga 52.2%) responden. Masalah konflik peranan diatasi dengan memperoleh sokongan daripada

pasangan atau keluarga dengan jumlah persetujuan responden sebanyak 40 (43.5%). Mekanisme penyelesaian masalah pembelajaran yang lain diatasi dengan persetujuan responden bawah 39 (42.4%) responden sehingga 1 (1.1%) responden.

Mekanisme penyelesaian masalah keluarga pada keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu ramai responden bersetuju yang mereka dapat mengatasi masalah keluarga. Kebanyakan pentadbir sekolah berdoa untuk menguatkan kerohanian mereka dan inilah yang membantu mereka untuk mengatasi masalah keluarga dengan penuh kesabaran. Sokongan keluarga amat diperlukan untuk seseorang melanjutkan pengajian terutamanya golongan dewasa yang sudah berkeluarga. Ini bertepatan dengan hasil kajian Lucas (2005) yang menunjukkan 57% orang dewasa yang suka belajar di rumah berbanding dengan tempat-tempat lain seperti di tempat kerja, perpustakaan, institusi pengajian dan sebagainya. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat sokongan keluarga yang membolehkan seseorang untuk belajar di tempat kediaman mereka sendiri.

Hasil kajian mekanisme penyelesaian masalah kesihatan juga berada pada tahap yang tinggi. Pentadbir sekolah adalah golongan dewasa tua yang berumur 35 hingga 51 tahun. Mereka sangat berisiko dari segi masalah kesihatan. Namun begitu kebanyakan daripada mereka mengatasi masalah ini dengan sentiasa berfikir secara positif. Di samping itu, pengambilan makanan mereka juga dijaga. Ini bertepatan dengan pendapat Hoult (2006) yang menekankan penjagaan kesihatan secara emosional serta fizikal amat penting dan sentiasa diamalkan.

Kajian yang dijalankan ini mendapati mekanisme penyelesaian masalah motivasi belajar berada pada tahap yang tinggi. Ramai responden bersetuju yang mereka bermotivasi tinggi dengan mendoakan diri supaya sentiasa bermotivasi. Ramai pentadbir sekolah memotivasikan diri untuk menghadapi pelbagai masalah pembelajaran. Selain itu, melalui sokongan daripada keluarga turut memotivasikan mereka. Dapatan ini bertepatan dengan Smith dan Spurling (1999) yang menghuraikan tentang motivasi untuk belajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk pembelajaran yang memberi nikmat, ganjaran hasil daripada pembelajaran dalam berbentuk ekonomi, kenaikan gaji dan pangkat, pengaruh kawan dan keluarga yang merangsang seseorang untuk melanjutkan pembelajaran.

Hasil kajian ini menunjukkan persetujuan pentadbir sekolah adalah tinggi dalam menyelesaikan masalah konflik peranan. Kebanyakan pentadbir sekolah menyelesaikan masalah konflik peranan dengan mendapatkan sokongan ahli keluarga ataupun sokongan pasangan hidup mereka. Berbanding dengan mekanisme lain iaitu menerima situasi pelbagai peranan serta mengadakan perbincangan dengan kawan sekursus, sokongan ahli keluarga amat membantu menyelesaikan masalah konflik peranan. Pendapat ini turut disokong oleh Chang (1991) yang menyatakan sokongan ahli keluarga berpotensi untuk mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran dewasa.

Hasil Keputusan Ujian-t dan ANOVA

Dapatan Ujian-t di antara mekanisme penyelesaian masalah dengan jantina pentadbir sekolah menunjukkan bahawa *nilai p* adalah lebih besar daripada nilai aras keertian 0.05. Ini memberi gambaran bahawa faktor jantina tidak berkaitan dengan mekanisme penyelesaian masalah pembelajaran pentadbir sekolah. Dapatan ini disokong dengan hasil kajian yang telah dijalankan di Malaysia oleh Mohamad Rashidee Alwi et al. pada tahun 2005 yang menyatakan faktor jantina bukanlah satu faktor yang mempengaruhi penyelesaian masalah pembelajaran dewasa.

Dapatan kajian di luar negara adalah sebaliknya. Kajian Tenant dan Pogson (1995) mendapati faktor jantina mempengaruhi mekanisme penyelesaian masalah dalam pembelajaran dewasa. Begitu juga pendapat Pocock (1998) yang dapatannya menunjukkan lebih ramai kaum wanita dalam profesion pendidikan yang telah lama melabur dalam pendidikan dan latihan berbanding dengan kaum lelaki yang memberi maksud kaum wanita dapat mengatasi segala masalah pembelajaran yang dihadapi.

Manakala keputusan ANOVA yang dijalankan untuk melihat sama ada terdapatnya perbezaan mekanisme penyelesaian masalah pentadbir sekolah berdasarkan jawatan yang disandang, tempoh jawatan disandang serta umur semasa melanjutkan pengajian mereka menunjukkan kesemua dapatan *nilai p* adalah lebih besar daripada nilai aras keertian 0.05. Ini bererti hubungannya tidak signifikan.

Dapatan UNESCO pada tahun 1997 berbeza dari dapatan kajian ini yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara jawatan yang disandang dengan mekanisme penyelesaian masalah pembelajaran pentadbir sekolah. Didapati lebih ramai pegawai bahagian profesional dan teknikal yang terlibat dalam pembelajaran dewasa berbanding dengan pegawai kerajaan ataupun pegawai bahagian perkhidmatan. Ini bermaksud, pegawai yang berjawatan tinggi berupaya mengatasi masalah pembelajaran mereka dan mencapai kejayaan akademik berbanding dengan pegawai yang berjawatan rendah. Kebanyakan pentadbir sekolah mempunyai jawatan yang sama. Oleh itu, mekanisme penyelesaian masalah mereka terhadap masalah pembelajaran tidaklah berbeza.

Seterusnya melihat pada perhubungan tempoh jawatan disandang dengan mekanisme penyelesaian masalah, didapati tidak terdapat kaitan di antara mekanisme penyelesaian masalah dengan pengalaman pentadbir sekolah menyandang sesuatu jawatan. Hasil dapatan ini bertentangan dengan Boud dan Miller (1996) yang menyatakan pengalaman bekerja mempunyai perhubungan yang signifikan dalam pembelajaran dewasa. Begitu juga dengan dapatan Norzaini Azman (2005) yang menyatakan faktor pengalaman yang dialami oleh seseorang mempengaruhi pembelajaran dewasa orang tersebut. Dapatan kajian ini tidak signifikan disebabkan oleh kumpulan pentadbir sekolah

yang berpengalaman antara 1 hingga 10 tahun adalah $\frac{3}{4}$ daripada kesemua sampel kajian. Mekanisme penyelesaian masalah dalam kumpulan umur yang sama tidak memberi dapatan yang berbeza.

Akhirnya, dilihat pada perhubungan yang tidak signifikan antara umur pentadbir sekolah dengan mekanisme penyelesaian masalah. Interpretasi dapatan menunjukkan umur pentadbir sekolah tidak mempunyai kaitan dalam mekanisme penyelesaian masalah pembelajaran dewasa. Dapatan ini selaras dengan dapatan Norzaini Azman et. al (2005) yang mengkaji tahap kesediaan pembelajaran dewasa dengan umur. Keputusan kajian beliau menunjukkan seseorang yang lebih berumur tidak semestinya akan mempunyai kesediaan mengatasi masalah pembelajaran.

KESIMPULAN

Semakin ramai golongan dewasa memilih pembelajaran sepanjang hayat untuk memperoleh pendidikan yang tinggi. Golongan dewasa perlu menghadapi pelbagai masalah untuk memperoleh pendidikan yang diinginkan. Kajian ini mendedahkan mengenai pentadbir sekolah yang menghadapi pelbagai masalah pembelajaran dalam Program Pengurusan Pendidikan seperti masalah yang berkaitan dengan keluarga, profesional dan tanggungjawab sosial. Secara keseluruhannya, pentadbir sekolah telah dapat mendedahkan beberapa perkara yang positif dan berkualiti dari segi kebolehan dan keupayaan mereka seperti mahir mencari jalan penyelesaian, fleksibel dan ketahanan dalam menyelesaikan masalah pembelajaran mereka.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Abdul Rashid, Sufean Hussin & Abdul Jalil Othman. 2006. *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Beinart, S. & Smith, P. 1998. *The National Learning Survey, 1997*, London: Department for Education and Science.
- Dass, L. 2001. Exploring Problems and Coping Mechanisms of Distance Learners: A University Sains Malaysia Profile. *Malaysia Journal of Distance Education* 3(1), 1-21.
- Hamdan Abdul Kadir, Hanipah Husin & Mohamad Saprin 2001. *Teknik Mengajar Dewasa: Panduan untuk Jurulatih*. Pahang: PTS Publication & Distributors.
- Jarvis, P 1999. *International Dictionary of Adult and Continuing Education (2nd ed)*. London: Kogan Page.

- Kopka, T.L.C & Peng, S.S 1993. *Adult Education: Main Reasons for Participating*. Washington D.C.: National Centre for Education Statistics, US Department of Education.
- Merriam, S. B., Mott, V.W., & Lee, M. 1996. Learning That Comes from the Negative Interpretation of Life Experience: *Studies in Continuing Education*, 18(1), 1-23.
- Mohammad Azhar Abdul Hamid, Paimah Atoma, Muhamed Fauzi Othman & Mohammad Nasir Markom. 2004. *Andragogi: Mengajar Orang Dewasa Belajar*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Mohamad Rashidee Alwi, Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohd., Shireen Haron & Jamaliah Said. 2005. *Factors Facilitating and Hindering The Development of Malaysian Lifelong Learning Communities: A Case Study in Shah Alam City*. Kementerian Pendidikan Malaysia: UiTM Publication Centre.
- Norzaini Azman, Ruhizan Mohammad Yasin & Zalizan Mohamad Jelas. 2004. Tahap Kesediaan Pembelajaran Kendiri untuk Pendidikan Sepanjang Hayat. *Jurnal Pendidikan, UKM*, 29, 71-80.
- Smith, J. & Spurling, A. 1999. *Lifelong Learning: Riding the Tiger*, London : Cassell.
- Valentine, T. 1997. United States of America: The Current Predominance of Learning for the Job. Dalam P. Belanger and S. Valdivielso (eds.). *The Emergence of Learning Societies: Who Participates in Adult Learning?* New York: Elsevier.